



## SIARAN MEDIA

### LPPKN PERUNTUK RM1.2 JUTA KEPADA MAMACARE UNTUK LATIH WANITA DAN KELUARGA TANGANI MASALAH TEKANAN

**SEPANG, 11 April** - YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah menyerahkan peruntukan sebanyak RM1.2 juta kepada Persatuan MamaCare Malaysia (MAM) dalam majlis perasmian Bengkel Kejurulatihan Program Memperkasa Wanita dan Keluarga Menangani Tekanan. Pada majlis tersebut, Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah memperkenalkan program MamaCare: Keluarga Ceria Tanpa Stres yang akan dilaksanakan oleh Persatuan MamaCare Malaysia (MAM) bagi membantu golongan wanita wanita B40 khususnya isteri dan ibu dengan kemahiran urutan untuk meringankan beban tekanan.

“Program ini merupakan satu inisiatif yang sangat baik kerana ia memberikan Pengamal MamaCare peluang untuk tambah nilai (*value added*) dalam perkhidmatan mereka. Usaha ini akan dapat mengangkat dan meningkatkan nilai keupayaan wanita dalam bidang keusahawanan dan kemahiran psikososial. Keupayaan ini adalah satu pendekatan “Dari Wanita Untuk Wanita Dan Keluarga” kerana perkhidmatan ini ditawarkan untuk membantu wanita-wanita dan keluarga bagi menangani stres, terutamanya dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19.” kata YB Datuk Seri Rina Mohd Harun ketika merasmikan bengkel tersebut di sini hari ini.

“Pandemik COVID-19 telah mencetuskan norma baharu dalam kehidupan harian seluruh masyarakat di negara ini. Tidak dinafikan ada yang turut mengalami kemurungan dan tekanan perasaan dan perkara ini mungkin terjadi akibat hilangnya punca pendapatan kerana diberhentikan kerja atau lain-lain faktor bersangkutan,” tambah beliau

Ujar beliau lagi, "Peserta yang mengambil bahagian dalam bengkel ini akan seterusnya diberi peluang untuk mengendalikan program-program di peringkat komuniti dan dijangka 1,000 program akan dilaksanakan di seluruh negara dengan sasaran lebih 10,000 wanita dan keluarga,"

Sejak program ini diperkenalkan, pengamal MamaCare yang terlatih berpeluang menjana pendapatan dari RM500 sehingga RM20 ribu sebulan. Jumlah pendapatan keseluruhan Pengamal MamaCare di Malaysia pada tahun 2020 mencecah hampir RM10 juta dan bagi **tahun 2020** sahaja, seramai **54,271 orang** wanita telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan yang disediakan oleh MamaCare.

Bagi memastikan perkhidmatan terbaik diberikan oleh pengamal MamaCare, LPPKN telah membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) bagi Diploma Kemahiran Malaysia tahap 4 (DKM-4) Penjagaan Ibu Selepas Bersalin MamaCare dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia tahap 5 (DLKM-5) Pengurusan Penjagaan Ibu Selepas Bersalin MamaCare yang diluluskan oleh Majlis Latihan Kemahiran Vokasional Malaysia (MLKV) di bawah seliaan Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Turut hadir dalam majlis ini ialah Mastura Mohamad Darby, Timbalan Pengurus LPPKN dan Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN.

####

Disediakan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

Pn. Rosmonaliza Abdul Ghani – 019 2333 415

En. Fauwaz Hasbullah – 019 2333 127